

☒ Harian Metro
☐ Metro Ahaad
Tarikh: 19/5/2012
Hari: Sabtu M/S: 58
Ruangan: B15NES

Program MyUniAlliance-SAP

7 lagi ikut serta

>>Oleh Siti A'isyah Sukaimi
sitiaisyah@hmetro.com.my

SYARIKAT terkemuka pengurusan perisian, SAP mengumumkan tujuh lagi institusi pengajian tinggi tempatan (IPT) menyertai program MyUniAlliance-SAP iaitu satu latihan yang menjadi sebahagian daripada program kurikulum akademik ditawarkan kepada pelajar di institusi masing-masing.

Tujuh IPT berkenaan ialah Universiti Utara Malaysia (UUM); Universiti Tenaga Nasional (Uniten); Universiti Kuala Lumpur (UniKL); Kolej Universiti Nilai (NUC); Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM); Kolej Tunku Abdul Rahman (TARC) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Pengarah Urusan SAP Malaysia, Serena Sia berkata, program berkenaan adalah inisiatif pembangunan semula modal insan bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Dasar Baru



KERJASAMA...Serena (duduk dua dari kiri) bersama wakil universiti yang terbahit dalam program latihan MyUniAlliance-SAP.

Ekonomi (DBE) yang dilancarkan Perdana Menteri pada tahun lalu.

Menurutnya, sasaran program itu untuk meningkatkan kemahiran teknologi maklumat di kalangan pelajar dalam usaha menambah latihan industri yang berkaitan dengan su-

katan pelajaran di IPT.

"SAP adalah rakan kongsi teknologi pertama yang menyahut saranan Perdana Menteri dengan menganjurkan program MyUniAlliance, sekali gus memberi latihan dari syarikat untuk pelajar IPT negara ini.

"Malah, sejak Oktober la-

lu seramai 350 pelajar sudah menamatkan latihan SAP melalui MyUniAlliance-SAP dan kita menyasarkan seramai 500 pelajar lagi akan mengikuti program ini sehingga akhir tahun ini," katanya pada sidang media di Putrajaya, kelmarin.